

ABSTRAK

Disertasi ini merupakan suatu pengkajian terhadap program pembangunan ekonomi masyarakat desa yang dijalankan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak, dalam bentuk pelbagai skim seperti skim kredit lunak, skim kredit dengan sistem hasil, skim pembiayaan dengan sistem hasil, skim kredit jentera pertanian, skim kredit haiwan ternakan dan skim pinjaman haiwan ternakan. Hasil kajian ini mendapati skim kredit dengan sistem hasil dan skim pinjaman haiwan ternakan adalah selaras dengan prinsip *al-qard al-ḥasan* dan skim pembiayaan dengan sistem hasil selaras dengan prinsip *al-muḍārabah*. Manakala skim kredit lunak didapati mengamalkan sistem riba *al-nasi'ah* kerana wujudnya faedah berkadar tetap. Skim kredit jentera pertanian dan skim kredit haiwan ternakan pula didapati mirip dengan amalan *al-bay' bithaman al-ājil* tetapi cara pelaksanaan kedua-dua skim tersebut mempunyai beberapa kelemahan dibandingkan dengan prinsip *al-bay' bithaman al-ājil*. Oleh sebab itu, kedua-dua skim tersebut perlu diubahsuai bagi menyelaraskannya dengan prinsip *al-bay' bithaman al-ājil*.

ABSTRACT

This dissertation discusses the economic development programmes carried out by the government of Kabupaten Siak. The programmes intend to accelerate the economic growth of the rural folks in Kabupaten Siak, such as soft loan scheme, credit scheme under profit-sharing, trust financing scheme under profit-sharing, farming machine credit scheme, live-stock credit scheme and live-stock financing scheme. Finding of this dissertation shows that the mechanism of credit scheme under profit-sharing and live-stock financing scheme is parallel to the principle of *al-qarḍ al-ḥasan*, and trust financing scheme under profit-sharing is parallel to that of *al-muḍārabah*. But soft loan scheme was found to have element of *riba al-nasi'ah* because of its visible low-interest rates, farming machine credit scheme and live-stock credit scheme are similar to the practice of *al-bay' bithaman al-ājil*. However, there are some weaknesses in terms of the implementation as compared to *al-bay' bithaman al-ājil* and hence, should be reformed in accordance to the principle of *al-bay' bithaman al-ājil*.

المخلص

إن الموضوع لهذا البحث هو تحليل التنمية الاقتصادية في المجتمع الريفي في وجهة نظر الإسلامية وهو البحث لمشاريع الرؤساء بولاية سياق الواقعة بمحافظة ريبا الإندونيسية. فهذا البحث يقوم بفحص مشاريع التنمية الاقتصادية التي تشمل: الاستدانة الرخيصة الفائدة، والاستدانة المقابلة بالمحصولات المنتوجة، والاستعارة المقابلة بالمحصولات المنتوجة، والاستدانة للمكينة الزراعية، والاستدانة لثروة الحيوانات واستقراض ثروة الحيوانات. فالبحت يحلّل الموضوع المقترح من وجهة نظر الإسلامية من حيث أن التطبيقات لهذه المشاريع تتماشى مع الرؤية الإسلامية أو بالعكس تتناقض معها. فالنتيجة لهذا البحث المتواضع ترى وتجد أنّ مشروع الاستدانة المقابلة بالمحصولات المنتوجة واستقراض ثروة الحيوانات كانا تتفقان مع المبادئ العامة للقرض الحسن، وأنّ الاستعارة المقابلة بالمحصولات المنتوجة كانت تتسجم مع المبادئ العامة للمضاربة، في حين أن مشروع الاستدانة الرخيصة الفائدة كانت تعامل فيها النظام الربوي النسبي لوجود الفائدة الربوية الثابتة القدر، وأنّ مشروع الاستدانة للمكينة الزراعية والاستدانة لثروة الحيوانات كانا يشبهان البيع بثمن أجل غير أنّ التفيذات لهاتين المعاملتين فيهما عيوب ونقائص. ولهذا لا بد من تعديل التفيذات المعيبة لتتناسب مع المبادئ العامة للبيع بثمن أجل.